

## **Penglibatan Terhadap Gejala Rokok dan Dadah dalam Kalangan Pelajar Baharu Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin**

Wan Salmizi Bin Wan Mahmood, Zainal Anuar Bin Bakri  
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin  
wan.salmizi@psmza.edu.my, zainal.anuar@psmza.edu.my

### **Abstrak**

Kajian tindakan ini dijalankan bagi menangani masalah penglibatan terhadap gejala merokok dalam kalangan pelajar baru Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) sesi jun 2017. Responden yang terlibat adalah seramai 295 orang pelajar yang baru mendaftar di PSMZA bagi sesi Jun 2017. Objektif kajian tindakan ini adalah untuk mengurangkan penglibatan pelajar baru PSMZA sesi jun 2017 terhadap gejala merokok. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kuantitatif dan kualitatif. Pengumpulan data kajian dibuat melalui edaran soal selidik dan sesi temu bual. Hasil pelaksanaan kajian mendapati 99% responden mengetahui tentang rokok dan bahaya merokok. Manakala 95% responden mendapat maklumat berkaitan bahaya merokok. Selain itu 95% responden mengatakan mereka tidak bebas merokok di asrama dan 87% responden mengatakan tertekan bukan merupakan punca rokok dihisap. Pelaksanaan tindakan diselesaikan dalam tempoh 2 bulan. Perancangan tindakan yang dijalankan adalah dengan mempelbagaikan program yang menjurus kesedaran bahaya merokok diperingkat politeknik dan meningkatkan kadar denda dan saman bagi kesalahan merokok dalam kalangan pelajar PSMZA. Hasilnya mendapati peratusan penglibatan terhadap gejala merokok pelajar baru PSMZA sesi Jun 2017 menurun di mana mereka lebih memahami terhadap gejala merokok manakala peratusan pengaruh dan punca penglibatan dapat dikurangkan.

**Key Words:** Merokok, pelajar baharu

### **Abstract**

The study was conducted to address the problem of involvement in smoking among new students of Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) in Jun 2017 session. The respondents involved were 295 students who recently enrolled in PSMZA for June 2017 session. The objective of this study is to reduce the involvement of new students PSMZA junior on smoking symptoms. The methods used are quantitative and qualitative. Data collection was conducted through questionnaire and interview session. The results of the study showed that 99% of respondents knew about cigarette and smoking hazard. Meanwhile, 95% of respondents received information regarding smoking hazard. In addition 95% of respondents said they were not smoking in dormitory and 87% of respondents said stress was not a cause of cigarette smoking. The implementation of the action is completed within 2 months. The action plan is to diversify programs that promote the awareness of smoking dangers at polytechnics and increase the rate of fines and summons for smoking in amongst PSMZA students. The results show that the percentage of involvement in smoking of new PSMZA students in June 2017 session decreased where they better understand smoking symptoms while the percentage of influence and cause of engagement can be reduced.

**Key Words:** Smoking, new students

### **Refleksi Kajian**

Tabiat merokok di kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia menunjukkan peningkatan secara mendadak menurut laporan yang dikeluarkan oleh pihak kementerian kesihatan Malaysia pada tahun 2000 dalam modul berhenti merokok telah menunjukkan 20% perokok

adalah terdiri daripada kalangan pelajar IPT. Laporan tersebut turut menunjukkan bahawa seramai 50-60 orang pelajar IPT memulakan tabiat merokok setiap hari (Ahmad Nazri Mohamad, 2004). Di samping itu Kementerian Kesihatan Malaysia membuktikan bahawa jumlah perokok dalam kalangan rakyat negara membangun seperti Malaysia semakin meningkat setiap tahun walaupun berbagai kempen telah dilaksanakan seperti kempen tak nak merokok. Perokok yang berumur 15 tahun ke atas semakin bertambah daripada 21% pada tahun 1995 kepada 31% pada tahun 2000. Menurut teori pembelajaran sosial, banyak tingkah laku, seperti merokok, dipelajari melalui pemerhatian. Individu, seperti rakan-rakan, yang mempunyai struktur yang sama remaja, mempengaruhi tingkah laku remaja sebagai pendukung dan dengan secara sedar atau tidak sedar mengukuhkan tingkah laku tertentu (Mohamad Zuki Pileh, 1987).

Setakat ini, aktiviti merokok di kalangan masyarakat Malaysia masih di tahap yang membimbangkan. Pada tahun 2011, berdasarkan keputusan Tinjauan *Global Adult Tobacco Survey* (GATS) Malaysia, keseluruhan individu yang merokok ialah sebanyak 23.1%. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa 4.7 juta orang dalam kategori umur 15 tahun dan ke atas adalah perokok semasa. Secara keseluruhannya, di kalangan perokok semasa, kategori yang berumur 25 hingga 44 tahun merangkumi peratusan yang tertinggi iaitu 29.0%, untuk produk-produk tembakau yang dihisap. Manakala, di kalangan kaum lelaki pula, peratusan perokok adalah tertinggi bagi kategori yang berumur 25 hingga 44 tahun, dimana 54.9% merokok produk tembakau. Daripada statistik yang diperolehi melalui data yang terdapat di dalam Sistem Maklumat Pengurusan Politeknik (SPMP) PSMZA pada sesi Jun 2016 sebanyak 25% kesalahan disiplin pelajar PSMZA adalah melibatkan kes merokok yang telah ditangkap di asrama PSMZA. Manakala pada sesi Disember 2016 peratusan telah meningkat menjadi 32% bagi kesalahan yang sama.

Sesuatu perlu dilakukan bagi mengenal pasti pemasalahan ini. Oleh yang demikian bagi menyelesaikannya, penyelidik terpanggil untuk membuat kajian bagi mengenal pasti penglibatan terhadap gejala merokok dalam kalangan pelajar baru PSMZA bagi sesi jun 2017.

### **Fokus Kajian**

Fokus kajian tindakan ini ialah untuk mengurangkan bilangan keterlibatan pelajar baru PSMZA sesi jun 2017 terhadap gejala merokok melalui tindakan-tindakan yang telah diambil.

### **Objektif Kajian**

#### *Objektif Umum*

Mengurangkan penglibatan pelajar baru PSMZA sesi jun 2017 terhadap gejala merokok melalui kempen kesedaran dan ceramah yang dijalankan.

### **Objektif Khusus**

1. Mengenal pasti tahap pemahaman pelajar baru PSMZA sesi Jun 2017 terhadap gejala merokok
2. Mengenal pasti pengaruh penglibatan pelajar baru PSMZA sesi Jun 2017 terhadap gejala merokok.
3. Mengenal pasti punca penglibatan pelajar baru PSMZA sesi Jun 2017 terhadap gejala merokok

### **Kumpulan Sasaran**

Kumpulan sasaran kajian ini terdiri daripada pelajar baru PSMZA yang mendaftar pada sesi jun 2017. Responden terdiri daripada 295 orang pelajar yang baru mendaftar sesi jun 2017.

### **Pelaksanaan Kajian**

Kaedah Kajian yang digunakan adalah secara kaedah campuran iaitu menggabungkan kaedah kuantitatif melalui soal selidik dan kaedah kualitatif melalui temu bual.

#### *Soal Selidik*

Penyelidikan telah menyediakan borang soal selidik untuk mengenal pasti jawapan bagi mengenal pasti punca penglibatan terhadap gejala merokok dalam kalangan pelajar baru PSMZA sesi jun 2017. Soal selidik tersebut akan diedarkan kepada 700 responden iaitu pelajar baru yang mendaftar pada sesi jun 2017. Borang soal selidik kajian ini mengandungi 4 konstruk iaitu bahagian A ialah maklumat diri pelajar, bahagian B mengenal pasti pemahaman pelajar baru PSMZA sesi jun 2017 terhadap gejala merokok. Bahagian C adalah mengenal pasti pengaruh terhadap penglibatan pelajar baru PSMZA sesi Jun 2017 terhadap gejala merokok. Manakala bahagian D pula adalah item soalan bagi mengenal pasti punca penglibatan pelajar baru PSMZA sesi jun 2017 terhadap gejala merokok. Hasil yang diperolehi akan direkodkan dalam bentuk jadual dan graf serta analisa.

#### *Temu bual*


Satu set soalan berstruktur akan disediakan bagi mendapat maklum balas lisan dari pelajar berkenaan dengan isu kajian. Temu bual akan dibuat secara bersemuka di antara penyelidik dengan responden yang mengandungi 10 soalan berkenaan dengan kajian yang ingin dilakukan iaitu mengenai pemahaman pelajar baru terhadap rokok, pengaruh yang mempengaruhi pelajar dan punca yang menyebabkan pelajar baru PSMZA sesi jun 2017 terjebak dengan gejala merokok.

### **Analisa Tinjauan Masalah**

#### *Soal selidik*

##### *i. Pemahaman pelajar tentang merokok*

Rumusan soal selidik ringkas yang dijalankan berkaitan dengan pemahaman pelajar tentang merokok ditunjukkan pada Rajah 1 dan Jadual 1.



**Rajah 1 :** Peratusan Pemahaman Pelajar dalam Merokok

**Jadual 1:** Petunjuk Pemahaman Pelajar Terhadap Rokok

<b>PETUNJUK</b>			
<b>BIL</b>	<b>ITEM</b>	<b>PERATUSAN(%)</b>	
		<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>
B1	Saya tahu apa itu rokok	293(99)	2(1)
B2	Saya tahu tentang bahaya merokok	293(99)	2(1)
B3	Saya mendapat maklumat tentang bahaya rokok melalui media masa	288(98)	7(2)
B4	Saya mendapat maklumat tentang bahaya rokok melalui media cetak	285(97)	10(3)
B5	Saya mengetahui tentang kandungan di dalam rokok	266(90)	29(10)
B6	Pihak sekolah pernah mengadakan kempen tentang rokok	289(98)	6(2)

Berdasarkan Jadual 1, pemahaman pelajar dalam merokok mengikut persetujuan mereka bagi item B1 hingga B6 adalah 99%, 99%, 98%, 97%, 90%, dan 98%. Sebaliknya pernyataan yang sama dan tidak dipersetujui oleh pelajar adalah B1 (1%), B2 (1%), B3 (2%), B4 (3%), B5 (10%) dan B6 (2%).


Rumusan analisis perangkaan menunjukkan bahawa pemahaman pelajar terhadap rokok sangat tinggi iaitu sebanyak 99 % ( 293 pelajar), ini jelas menunjukkan bahawa pelajar sedar dan tahu apa itu rokok begitu juga dengan peratusan pelajar yang tahu akan bahayanya merokok sebanyak iaitu 99%. Namun begitu, sebanyak 29 peratus (10 pelajar) tidak mengetahui tentang kandungan dalam rokok. Keperatusan pelajar yang mendapat pendedahan maklumat tentang bahaya rokok melalui media masa sangat tinggi iaitu 98 % ( 288 pelajar) seiring dengan perkembangan teknologi yang hanya boleh dicapai di hujung jari.

*ii. Pengaruh Rokok terhadap Pelajar*

Rumusan daripada soal selidik yang telah dijalankan berkaitan pengaruh rokok terhadap pelajar ditunjukkan dalam Rajah 2 dan Jadual 2.

Berdasarkan jadual 2, berkenaan dengan pengaruh rokok terhadap pelajar mendapat peratus pelajar bersetuju terhadap item C1 hingga C6 adalah 35% , 41%, 83%, 25%, 6% dan 94%. Manakala peratusan pelajar yang tidak bersetuju adalah C1(65%),C2(59%),C3(17%), C4(75%),C5(64%) dan C6(6%).

Pengaruh rokok terhadap pelajar turut dianalisis kerana ianya merupakan faktor yang perlu dikenalpasti dalam kalangan pelajar semester 1 Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Berdasarkan Jadual 2 di atas, sebanyak 65% (192 pelajar) dan 59%(174 pelajar) mempunyai rakan –rakan dan ahli keluarga yang merokok. Ini bermaksud kebanyakan pelajar terdedah dengan persekitaran yang mana ahli keluarga terdekat merupakan perokok. Di dapati hanya 6% (17 pelajar) yang bersetuju mengatakan bahawa idola mereka adalah seorang perokok. Statistik yang menunjukkan idola tidak mempengaruhi mereka. Namun begitu,pelajar di dapati mendapat maklumat berkaitan bahaya merokok iaitu sebanyak 94%. Jelas menunjukkan bahawa maklumat mudah diperolehi oleh pelajar dan maklumat tersebut sampai kepada mereka.




**Rajah 2 : Peratusan Pengaruh Rokok terhadap Pelajar**

**Jadual 2:** Petunjuk Pengaruh Rokok terhadap Pelajar

<b>PETUNJUK</b>			
<b>BIL</b>	<b>ITEM</b>	<b>(PERATUSAN%)</b>	
		<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>
C1	Saya tidak mempunyai rakan-rakan yang merokok	103(35)	192(65)
C2	Ahli keluarga saya tiada yang merokok	121(41)	174(59)
C3	Gambar yang terdapat pada kotak rokok memberi kesan kepada saya	245(83)	50(17)
C4	Rakan sebilik saya seorang yang merokok	73(25)	222(75)
C5	Idola saya seorang perokok	17(6)	278(94)
C6	Saya mendapat maklumat berkaitan bahaya rokok	278(94)	17(6)

iii. *Punca Merokok dalam Kalangan Pelajar*

Analisis data daripada soal selidik yang telah dijalankan tentang punca merokok dalam kalangan pelajar dirumuskan pada Rajah 3 dan Jadual 3.



**Rajah 3:** Peratusan Punca Merokok dalam Kalangan Pelajar

**Jadual 3:** Petunjuk Punca Merokok dalam Kalangan Pelajar

<b>PETUNJUK</b>			
<b>BIL</b>	<b>ITEM</b>	<b>PERATUSAN(%)</b>	
		<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>
D1	Saya merokok kerana desakan kawan	40(14)	255(86)
D2	Rokok adalah penting bagi saya	48(16)	247(84)
D3	Saya boleh membeli rokok dengan mudah	73(25)	262(75)
D4	Saya bebas merokok di rumah sewa	62(21)	233(79)
D5	Ibubapa saya sentiasa bertanya mengenai perbelanjaan saya	185(63)	110(37)
D6	Waktu tertekan saya akan menghisap rokok	39(13)	256(87)
D7	Saya bebas merokok di asrama	16(5)	279(95)

Jadual 3 menunjukkan punca merokok dalam kalangan pelajar mendapat peratus bersetuju dengan pernyataan item D1 hingga D7 adalah 14%,16%, 25%, 21%, 63%, 13% dan 5%. Manakala bagi peratusan pelajar tidak bersetuju dengan pernyataan yang sama adalah D1(86%), D2(84%), D3(75%), D4(79%), D5(37%), D6(87%) dan D7(95%). Berdasarkan data yang diperolehi, 86% pelajar mengatakan kawan tidak mempengaruhi punca mereka merokok. Pelajar juga merokok bukan disebabkan rasa tertekan melalui statistik hanya 13% yang menjawab menghisap rokok waktu mereka tertekan. Statistik juga menunjukkan bahawa pelajar tidak bebas merokok di asrama di mana 95% mengatakan mereka tidak bebas merokok di asrama.

#### *Analisa Temu bual*

Terdapat sepuluh soalan temu bual dikemukakan kepada 3 responden yang terlibat. Sesi temu bual ini dikendalikan oleh penyelidik melalui pemilihan responden yang telah dikenalpasti terlibat dengan gejala merokok.

**Jadual 4:** Rumusan respon pelajar terhadap soalan temu bual

<b>Bil.</b>	<b>Soalan Temu bual</b>	<b>POSITIF</b>	<b>NEGATIF</b>
1	Anda seorang perokok.	40%	60%
2	Anda tahu merokok membahayakan kesihatan.	95%	5%
3	Anda merokok sehingga sekotak sehari.	50%	50%
4	Ibubapa anda tahu anda merokok	2%	98%
5	Anda menggunakan duit belanja ibubapa untuk membeli rokok	5%	95%
6	Adakah bekalan rokok mudah diperolehi.	20%	80%
7	Adakan anda ada niat untuk berhenti merokok.	40%	60%
8	Anda pernah cari kaedah untuk berhenti merokok.	50%	50%

Berdasarkan jadual di atas, penyelidik telah menstrukturkan peratusan jawapan temu bual dalam bentuk jawapan positif dan negatif. Penstrukturkan tersebut bagi memudahkan analisa dibuat.

### *Kesimpulan*

Hasil daripada soal selidik dan temu bual yang dijalankan bolehlah disimpulkan bahawa pelajar baru PSMZA terlibat dengan gejala merokok adalah berpunca daripada sikap mereka sendiri dan tidak dipengaruhi oleh faktor – faktor tertentu. Ini dapat dibuktikan melalui soal selidik berkaitan pengaruh rokok dan punca merokok dalam kalangan pelajar. Selain itu pelajar juga memang memahami dan mengetahui perkara-perkara berkaitan rokok berdasarkan keputusan melalui pemahaman pelajar terhadap rokok.

### **Tindakan Yang Dijalankan Untuk Mengatasi Masalah**

Hasil daripada analisis pada Jadual 1 hingga Jadual 3, penyelidik merancang untuk menjalankan beberapa tindakan ke atas kumpulan pelajar Semester 1 sesi Jun 2017 bagi mengatasi masalah yang dikenalpasti sebelum ini.

(a) Mempelbagaikan program yang menjurus kesedaran bahaya merokok diperingkat politeknik. Pelaksanaan tindakan ini telah dilaksanakan dalam tempoh 2 bulan dan pemerhatian terhadap hasil tindakan dilakukan melalui data yang diperolehi daripada SPMP PSMZA.

#### *Langkah penyelesaian:*

Pelaksanaan tindakan (a) dilaksanakan oleh pihak unit disiplin PSMZA dengan kerjasama dengan pihak unit kaunseling dan pihak pusat islam PSMZA. Pelbagai program yang dijalankan bagi memberi kesedaran diri kepada pelajar. Antara program yang telah dijalankan ialah mengadakan kempen mengenai bahaya merokok diperingkat PSMZA, mengadakan ceramah mengenai pentingnya menjaga kesihatan tubuh badan dengan kerjasama pihak kementerian kesihatan, menjalankan pemeriksaan ujian air kencing dengan kerjasama pihak AADK dan mengadakan minggu kesedaran disiplin di mana pada minggu tersebut kempen “jom berhenti merokok telah dilancarkan”.

### **Rumusan Dan Penilaian**

Selepas dua bulan melalui pelaksanaan tindakan (a), didapati bilangan pelajar baru yang terlibat dengan gejala merokok di PSMZA semakin berkurang. Jadual di bawah menunjukkan penilaian terhadap tindakan yang telah dibuat.

Berdasarkan statistik yang diperolehi dalam jadual penilaian selepas tindakan dilakukan, terdapat perkembangan positif dalam 3 instruktur yang dinilai iaitu pemahaman terhadap gejala merokok, pengaruh penglibatan terhadap gejala merokok dan punca penglibatan terhadap gejala merokok. Ini menunjukkan bahawa program yang dijalankan memberi kesan yang positif kepada pelajar baru PSMZA sesi jun 2017.



**Jadual 5:** Penilaian selepas Tindakan dilaksanakan

<b>INSTRUMEN</b>	<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>	<b>PENINGKATAN/ PENURUNAN</b>
<b>Pemahaman Pelajar Terhadap Rokok</b>			
Saya tahu apa itu rokok	293(99)	<b>295(100)</b>	<b>+1</b>
Saya tahu tentang bahaya merokok	293(99)	<b>295(100)</b>	<b>+1</b>
Saya mendapat maklumat tentang bahaya rokok melalui media masa	288(98)	<b>293(99)</b>	<b>+1</b>
Saya mendapat maklumat tentang bahaya rokok melalui media cetak	285(97)	<b>293(99)</b>	<b>+2</b>
Saya mengetahui tentang kandungan di dalam rokok	266(90)	<b>280(95)</b>	<b>+5</b>
<b>Pengaruh Rokok terhadap Pelajar</b>			
Saya tidak mempunyai rakan-rakan yang merokok	103(35)	<b>201(68)</b>	<b>+33</b>
Ahli keluarga saya tiada yang merokok	121(41)	<b>180(61)</b>	<b>+20</b>
Gambar yang terdapat pada kotak rokok memberi kesan kepada saya	245(83)	<b>290(98)</b>	<b>+15</b>
Rakan sebilik saya seorang yang merokok	73(25)	<b>35(12)</b>	<b>-13</b>
Idola saya seorang perokok	17(6)	<b>5(2)</b>	<b>-4</b>
Saya mendapat maklumat berkaitan bahaya rokok	278(94)	<b>300(100)</b>	<b>+6</b>
<b>Punca Merokok dalam Kalangan Pelajar</b>			
Saya merokok kerana desakan kawan	40(14)	<b>30(10)</b>	<b>-4</b>
Rokok adalah penting bagi saya	48(16)	<b>15(5)</b>	<b>-11</b>
Saya boleh membeli rokok dengan mudah	73(25)	<b>10(3)</b>	<b>-22</b>
Saya bebas merokok di rumah sewa	62(21)	<b>50(16)</b>	<b>-5</b>
Ibubapa saya sentiasa bertanya mengenai perbelanjaan saya	185(63)	<b>273(93)</b>	<b>+30</b>
Waktu tertekan saya akan menghisap rokok	39(13)	<b>20(7)</b>	<b>-6</b>

### **Cadangan Untuk Tindakan Seterusnya**

Beberapa cadangan untuk tindakan yang seterusnya adalah seperti berikut:

1. Mempelbagaikan aktiviti dan program yang berbentuk riadah dan sukan bagi pelajar mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah.
2. Menggalakan pelajar untuk melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum secara aktif dan berterusan seterusnya dapat mengelakkan mereka dari terlibat dengan gejala negatif seperti merokok.

### **Rujukan**

Ahmad Nazri Mohamad. (2004). Perokok Masih Bongkak. New Straits Times (M) Berhad.

Mohamad Zuki Pileh. (1987). Kenapa Berlaku Kenakalan Remaja?. Dewan Siswa, 40 – 41.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan Pendidikan. Johor. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Johor. Universiti Teknologi Malaysia.